



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**1 September 2021
23 Muharram 1443H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Rohingya “kuasai” Kuala Kedah,Kuala Sala
Berita Harian	
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• Dua bot tunda langgar syarat tangkapan ditahan
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Kerajaan Pahang mahu biakkan semula ikan patin muncung
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• 4,500 anak penyu dilepaskan sempena Hari Merdeka
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY	3	1/9/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

Kerajaan Pahang mahu biakkan semula ikan patin muncung

TEMERLOH — Kerajaan negeri (patin muncung semakin pupus). bersedia menggiatkan usaha daripada Segututnya kita perlu memikirkan hal ini sejak dulu lagi. kerjasama dengan Jabatan Perikanan dalam usaha membelaikan ikan patin muncung yang semakin pupus di Pahang.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perlindungan dan Komuniti Negeri, Datuk Sri Mohamad Sharif Shamsuddin berkata, usaha promosi secara besar-besaran perlu segera dilakukan bagi mendapatkan induk ikan itu.

"Laporan yang menyedihkan



KERATAN Kosmo! semalam.

Kosmo! semalam melaporkan apabila bermilai tinggi sehingga menccah RM450 sekilogram ekoran spesies itu kian pupus dan sukar didapati di Sungai Pa-

hang. Rata-rata nelayan dan peniaga hidupan air tawar mendedahkan ikan patin muncung tidak lagi menerjah jaring atau masuk perangkap sejak tujuh tahun lalu berbanding patin buah yang masih mudah didapati di sepanjang Sungai Pahang.

Mengulas lanjut, Mohammad Sharif mentutu orang ramai yang dapat menangkap patin muncung itu supaya menjualnya kepada Jabatan Perikanan.

"Saya juga minta Jabatan Peri-

kanan memberi lawaran Jurnalan bagi menggalakkan orang ramai mencari dan menangkap patin muncung," kata beliau.

Sementara itu, mengulas mengenai cadangan agar ikan spesies tersebut diklasifikasi sebagai terancam dan memasuki senarai merah Kesatuan Atilarangsa untuk Pemuliharaan Alam. Semula Jadi, beliau berkata, ia tidak menjadi halangan, namun agak sukar berikutan bentuk spesies itu yang menyamai ikan patin buah dan patin juara.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY	29	1/9/2021
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

4,500 anak penyu dilepaskan sempena Hari Merdeka

Pelepasan dilakukan bertujuan memulihara hidupan marin berkenaan daripada pupus

Oleh NORHASPIDA YATIM

KUALA NERUS

Sebanyak 4,500 anak penyu dilepaskan ke habitat asalnya di laut sebagai simbolik sempena meraikan sambutan Hari Kebangsaan negara yang ke-64 serta Tahun Pertanian Negeri Terengganu 2021.

Pengarah Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, program pelepasan anak

penyu yang dilakukan di Mak Kepit, Pulau Redang pada Ahad lalu bertujuan untuk memulihara hidupan marin berkenaan daripada mengalami kepupusan.

“Aktiviti pelepasan anak-anak penyu yang baharu menetas merupakan aktiviti yang sering dilakukan bagi memastikan kesinambungan hidupan laut ini.

“Namun istimewanya program pelepasan anak-anak penyu yang dilakukan ini adalah kali pertama sempena meraikan sambutan Hari Kemerdekaan,” katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Hadir sama, Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim.

Selain pelepasan penyu, turut diadakan penyerahan Rumah Pekerja di Pusat Pemuliharaan



Ruzaidi (kanan) bersama Azman ketika aktiviti pelepasan 4,500 anak penyu di Mak Kepit, Pulau Redang pada Ahad.

Penyu di pulau berkenaan.

Dalam pada itu, katanya, sehingga Julai lalu sebanyak 4,242 pendaratan penyu direkodkan di seluruh pantai di Terengganu dengan 1,408 dari sarang hasil pendaratan penyu terdapat di sekitar kawasan Mak Kepit.

Menurut Ruzaidi, aktiviti pe-

lepasan dilakukan pada waktu senja bagi memastikan kesemua yang dilepaskan selamat pulang ke laut serta tidak menarik perhatian haiwan pemangsa.

“Kita harap kesemua penyu yang dilepaskan selamat di habitat asal dan akan kembali mendarat semula di sini,” katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY	21	1/9/2021
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

Dua bot tunda langgar syarat tangkapan ditahan

Johor Bahru: Dua bot tunda termasuk tujuh kru tempatan ditahan selepas didapati menjalankan kegiatan menangkap ikan pada jarak 10 batu nautika dari Pantai Tanjung Sekakap, di Mersing, kelmarin.

Pengarah Jabatan Perikanan Johor, Zainudin Abd Wahab berkata, pernahan itu hasil pemerataan, pengawalan dan surveyan (MCS) Ambang Kemerdekaan dijalankan Pasukan Khas Taman Laut dan Pengurusan Sumber, Jabatan Perikanan Johor di kawasan Taman Laut Johor.

“Dua vesel penangkapan ikan pukat tunda kelas C itu sedang menjalankan penangkapan ikan di perairan berhampiran


atas sebab disyaki melanggar syarat lesen penangkapan ikan.

“Sehubungan itu, semua tujuh nelayan berusia antara 24 hingga 44 tahun ditahan kira-kira jam 2 pagi dan 3.15 pagi.

“Sitaan turut membabitkan dua vesel dan ikan tangkapan 3,400 kilogram dengan anggaran nilai sitaan RM3 juta,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 8(b), Akta Perikanan 1985 dan jika sabit kesalahan, boleh dikenakan tindakan kompaun.

Katanya, pihaknya tidak akan berkompromi dengan mereka yang tidak mematuhi Akta Perikanan 1985.



BOT tunda yang ditahan kerana melanggar syarat lesen penangkapan ikan, kelmarin.

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT ONLINE	TARIKH 1/9/2021
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL			

Rohingya ‘kuasai’ Kuala Kedah, Kuala Sala



KERJA-KERJA pembersihan dan pengredan siput retak seribu di sebuah jeti di Kuala Kedah semalam yang antara turut dilakukan oleh warga dari etnik Rohingya . – FOTO/SHAHIR NOORDIN

Oleh ZAID MOHD NOOR 18 Mac 2021, 9:00 am

ALOR SETAR: Lebih 2,000 warganegara Myanmar etnik Rohingya dikatakan menjadi nelayan dengan menggunakan bot sendiri dan disewa di Kuala Kedah serta Kuala Sala, dekat sini sejak lebih 20 tahun lalu.

Sebahagian mereka juga bekerja sebagai tekong dan awak-awak bot milik rakyat tempatan yang menjalankan tangkapan siput retak seribu dengan menggunakan pukat sorong serta pukat tunda secara haram.

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT ONLINE	TARIKH 1/9/2021
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN :	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, Pengurus Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring), Che Ani Mat Zain berkata, kebanyakannya nelayan etnik Rohingya itu dipercayai bertaraf penduduk tetap dan memiliki MyKad.



CHE ANI MAT ZAIN

Menurutnya, sebahagian daripada mereka juga dipercayai mempunyai kad Suruhanjaya Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) selain terdapat dalam kalangan mereka pendatang asing tanpa izin (PATI).

“Sebahagian warga Myanmar etnik Rohingya itu juga didakwa menjalankan aktiviti menangkap ikan di pesisiran pantai tanpa lesen.

“Namun, bagaimana mereka boleh beroperasi tanpa diambil tindakan oleh pihak penguat kuasa di negara ini?” soalnya.

Che Ani berkata, sebahagian nelayan etnik Rohingya itu juga menjual ikan dan siput retak seribu kepada pemilik-pemilik bot tempatan.

“Pihak penguat kuasa perlu mengambil tindakan tegas terhadap nelayan-pelayan etnik Rohingya terbabit memandangkan aktiviti mereka itu semakin berleluasa,” katanya di sini semalam.

Selain itu, katanya, penggunaan pukat sorong dan pukat tunda oleh mereka boleh memusnahkan hidupan laut termasuk batu karang dan ekosistem laut.

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT ONLINE	TARIKH 1/9/2021
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN :	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

Beliau berkata, Jaring mendesak kerajaan supaya mengambil tindakan serius terhadap nelayan asing itu.

Sementara itu, seorang tempatan yang mahu dikenali Ibrahim, 42, berkata, beliau kesal aktiviti menangkap siput retak seribu semakin berleluasa di pengairan Kuala Kedah.

Menurutnya, perkara tersebut sepatutnya dipantau ketat oleh pihak berkuasa terlibat.

Malah, katanya, kebanyakan kaum wanita warga Rohingya itu juga bekerja di beberapa jeti di sekitar Kuala Kedah.

“Mereka melakukan kerja-kerja pembersihan dan penggredan siput retak seribu,” katanya. – UTUSAN ONLINE